

**UCAPAN PERDANA MENTERI, DI MAJLIS
JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA
PERAYAAN ULANGTAHUN KESEPULUH
LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI
DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN,
KUALA LUMPUR PADA 30HB NOVEMBER,
1973**

Y.B. Datuk Hussein Nordin, Pengerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita berhimpun beramai-ramai pada malam ini merayakan Hari Ulangtahun ke sepuluh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini. Sempena dengan peristiwa ini, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terimakasih kepada pihak Lembaga Tabung Haji kerana menjemput saya dan isteri saya ke majlis yang permai ini untuk mengingatkan kembali sejarah Lembaga Tabung Haji yang telah berjaya mencipta satu zaman baru bagi orang-orang Islam di negara ini. Memandang pada perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahil-ahli Lembaga yang telah menyumbangkan tenaga mereka dan juga kepada sekalian pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat menjalankan tugas mereka hingga mendapat kejayaan cemerlang terutamanya dalam tahun-tahun tujuh-puluhan ini.

Kepada saudara kita Professor Ungku Aziz yang telah menyumbangkan buah fikirannya menyediakan garis panduan menubuhkan Lembaga Tabung Haji, peristiwa ini tentulah menimbulkan kebanggaan kerana hasil buah fikirannya itu telah menjadi kenyataan besar, jauh dari apa yang dijangkakan dalam memorandumnya pada masa itu. Nama beliau akan sentiasa diingat oleh umat Islam seluruhnya, terutama kaum Bumiputra, atas hadiah bakti yang tidak ternilai kepada bangsa, negara dan ugama Islam yang maha suci.

Dengan memasuki tahun ke sebelas usianya, saya penuh yakin Lembaga Tabung Haji akan menjadi agensi yang ulung mempelupuri hasrat dan cita-cita hendak meninggikan dan membaiki keadaan ekonomi orang-orang Islam khasnya rakyat di kampung-kampung luar bandar.

Saudara-saudara sekalian,

Bagaimanapun, tidaklah harus kita berpuashati dengan apa yang tercapai selama seputuh tahun ini. Usaha-usaha hendaklah dipergiatkan supaya dalam masa lima tahun yang akan datang, Lembaga Tabung Haji akan melipatgandakan lagi kejayaannya. Terutama sekali, pada hemat saya, kempen menambah bilangan ahli-ahli hendaklah digiatkan dalam tempoh dua tahun akan datang sehingga matlamat mendapatkan seramai 500,000 ahli itu akan tercapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini. Hingga sekarang bilangan ahli-ahli meningkat hampir 200,000 dan ini masih jauh dari matlamat itu sedangkan masa tidak menunggu kita. Dalam hubungan ini, saya belum puashati dengan sambutan dari pegawai dan kakitangan Kerajaan kerana saya difahamkan dari jumlah hampir-hampir dua ratus ribu pegawai dan kakitangan Kerajaan yang beragama Islam, hanya 49,800 orang sahaja yang menjadi ahli Lembaga Tabung Haji. Saya sukalah mengambil peluang ini sekali lagi menyeru semua umat Islam yang belum lagi menyertai Lembaga Tabung Haji supaya menjadi ahli. Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun patutlah menggalakkan kakitangan mereka yang beragama Islam mendaftarkan diri mereka sebagai ahli supaya matlamat Rancangan Malaysia Kedua itu dapat dicapai hingga melebihi jangkauan.

Saudara-saudara sekalian,

Adalah jelas hari ini bahawa orang-orang kita ingin mewujudkan zaman baru sambil melakukan ibadat menurut suruhan Allah dan Rasulnya. Ramai antara mereka telahpun menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan melaburkan wang simpanan dalam saham-saham samada menerusi Lembaga Tabung Haji ataupun Amanah Saham Mara. Sehingga pertengahan bulan November ini, Lembaga Tabung Haji sahaja telah dapat mengumpulkan wang simpanan lebih \$80 juta—iaitu satu jumlah yang besar. Jika semangat seperti ini dapat dikekalkan, saya yakin orang-orang kita akan melihat masa depan yang lebih cerah bagi diri mereka dan jenerasi akan datang.

Langkah-langkah penting hendaklah dijalankan oleh Lembaga Tabung Haji supaya mendapatkan kejayaan yang berlipatganda. Lembaga hendaklah memandang jauh atau "far-sighted" dalam usaha mencari keuntungan dan meluaskan kegiatannya selain dari apa yang dijalankan setakat ini. Dengan ini bonos-bonos

yang lebih besar bolehlah dibayar kepada penyimpan-penyimpan dan insentif ini boleh menarik lebih ramai umat Islam menyimpan wang dengan Lembaga Tabung Haji.

Sempena tahun yang bersejarah ini, saya sukalah mengumumkan bahawa oleh kerana keuntungan pada akhir tahun dijangka akan meningkat hampir-hampir \$3.5 juta, berbanding dengan \$2 juta tahun lalu, saya telahpun meluluskan kadar bayaran bonos dinaikkan daripada 6% kepada 6¼%. Ini akan melibat pembayaran bonos berjumlah hampir \$2.2 juta dan kita patutlah bersyukur atas nikmat rezeki yang diberikan Allah kepada kita semua.

Saudara-saudara sekalian,

Bagaimanapun, tidaklah memadai dengan perhatian dan kejayaan di segi pelaburan saja. Saya tidak berapa puashati dengan perkhidmatan kepada mereka yang hendak mengerjakan Fardhu Haji, dan kerana itu Lembaga haruslah memberi perkhidmatan yang lebih baik dan cekap lagi pada masa hadapan. Kemudahan-kemudahan yang lebih banyak dan layanan yang baik hendaklah diberi kepada bakal Jemaah Haji samada semasa membuat persiapan atau dalam perjalanan dan ketika berada di Tanah Suci. Keadaan di Subang ataupun di Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang patutlah dibaiki supaya menjaga imej kita. Pegawai-pegawai Lembaga hendaklah mensifatkan kewajipan mereka terhadap kebajikan bakal Jemaah Haji terutama penyimpan-penyimpan sebagai hutang budi yang besar dan tidak mempersia-siakan tugas mereka itu.

Saya suka melihat Lembaga menyediakan kemudahan-kemudahan tempat tinggal yang lebih banyak lagi di Medinah dan kalau boleh di Mekah juga supaya Jemaah-jemaah Haji kita tidak mengalami kesusahan dan dapat mengerjakan Rukun Haji dengan lebih sempurna lagi. Pendek kata, perkhidmatan hendaklah sentiasa meningkat maju dari setahun ke setahun supaya ahli-ahli penyimpan benar-benar puashati dengan khidmat yang diberi oleh Lembaga.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana kita maklum, sejak dari tahun 1971, bilangan Jemaah-jemaah Haji yang pergi dengan kapal udara semakin meningkat ramai dan nampaknya aliran atau trend ini akan berkekalan buat masa hadapan. Saya lihat peraturan sekarang

menyewa kapal-kapal terbang khas dari syarikat penerbangan luar negeri tidaklah begitu memuaskan dan menyebabkan banyak kesulitan kepada bakal-bakal haji. Oleh itu saya telah mengarahkan Syarikat Penerbangan kita sendiri, M A S , supaya mengambilalih peranan membawa Jemaah-jemaah Haji ke Tanah Suci pada tahun-tahun akan datang. Dengan ini kita akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan teratur kepada Jemaah Haji yang pergi ke Tanah Suci dan keuntungan yang diperolehi itu dapat dinikmati oleh syarikat penerbangan kita sendiri di samping menjimatkan "foreign exchange". Yang penting sekali ialah kita dapat menunjukkan imej negara kita di luar negeri dengan kemampuan kita mengendalikan penerbangan Jemaah Haji sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Akhirnya, saya suka menggesa umat Islam di negara ini khasnya orang-orang Melayu supaya menggembelingkan usaha dan tenaga untuk mewujudkan zaman baru serta merebut peluang-peluang untuk memenuhi hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Bam.

Sekali lagi saya mengucapkan terimakasih atas jemputan kepada saya dan isteri saya ke majlis ini. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan segala usaha Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan diberkatiNya dan mendapat kejayaan yang lebih besar sambil berkhidmat kepada bangsa, negara dan ugama Islam kita yang maha suci.

Selamat maju jaya.